

Pengurusan Latihan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah  
Tadbir Urus KESATRIA-UKM

*(Training Management of Civil Defense Students Corp Universiti Kebangsaan Malaysia under the  
Governance of KESATRIA-UKM)*

ABU YAZID ABU BAKAR\* & OTHMAN A. KARIM

### ABSTRAK

Aktiviti ko-kurikulum badan beruniform di peringkat institusi pengajian tinggi untuk para mahasiswa menjadi salah satu keperluan dan tumpuan utama dalam merealisasikan matlamat untuk melahirkan graduan yang kompeten, berdaya saing, serta mampu mengejar kecemerlangan akademik secara seimbang, sejajar dengan objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Aktiviti ko-kurikulum badan beruniform merupakan platform terbaik untuk membangunkan jati diri unggul, membentuk daya kepemimpinan, memupuk semangat kerja berpasukan, serta menggarap nilai kesukarelawanan dalam pelajar institusi pengajian tinggi. Justeru, pengurusan yang sistematis dan bersepadu perlu diwujudkan bagi mengkoordinasi latihan menyeluruh badan-badan beruniform ini bagi memastikan objektif yang disasar dalam konteks pembangunan sahsiah dan keterampilan mahasiswa yang menyertai aktiviti ko-kurikulum ini mampu dicapai dengan baik dan berkesan. Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), model bersepadu pelaksanaan pengurusan latihan badan-badan beruniform pelajar ini digerakkan oleh sebuah Pusat Tanggungjawab (PTj) yang dinamakan Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM). Sejak penubuhannya, Pusat ini bertanggungjawab menyelia dan memantau urus tadbir latihan secara menyeluruh terhadap badan-badan beruniform yang terdiri daripada Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Tentera Darat, Kor Sukarelawan Siswa Siswi Polis (SUKSIS), Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA), Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Cabang UKM, dan Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM) Daerah UKM. Tadbir urus aktiviti ko-kurikulum badan-badan beruniform di bawah Pusat ini menunjukkan pelbagai impak positif dalam membina suasana pembelajaran dan latihan yang baik kepada para mahasiswa UKM. Kertas konsep ini mengupas aspek pengurusan latihan Kor SISPA UKM di bawah tadbir urus Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM) pentadbiran, kewangan, logistik, serta gerak kerja kursus akademik. Kertas ini turut menyerlahkan keberkesanan pengurusan latihan secara menyeluruh hasil kolaborasi antara Kor SISPA UKM dengan Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM).

Kata kunci: Badan beruniform, Kor SISPA, KESATRIA-UKM, pengurusan latihan

### ABSTRACT

*The uniform bodies' co-curricular activity in higher education institutions is vital in developing well-balanced and holistically competent graduates as outlined in the National Educational Philosophy (NEP). It is a good platform to not only mould the positive character of the graduates, but also inculcate the leadership capability, enhance the teamwork spirit, and cultivate the entrepreneurial values among graduates who choose to join this activity during their university years. Hence, the training management of students' uniform bodies in local higher education institutions need to be coordinated effectively in order to realize this objective. In Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), an integrated model has been formulated whereby all students' uniform bodies – which offer co-curricular credit courses – were centrally put under the governance of Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM), which was established since 2015. To date, there are five registered uniform bodies under its' wing, namely the Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Tentera Darat, Kor Sukarelawan Siswa Siswi Polis (Kor SUKSIS), Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA), dan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Cabang UKM, and Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM) Daerah UKM. The establishment of this centre is specifically aimed in facilitating and coordinating all aspects of training like administration, finance, and logistics between UKM departments and all related government agencies or non-governmental associations,*

*which were responsible for the day-to-day operations of each body. The centre is also responsible in overseeing that the overall training schemes are conducted in appropriate manner in order to ensure the main goal of providing such activity to the students will be achieved accordingly. This concept paper is discussing positive impact of KESATRIA-UKM's in governing the training management of UKM's students' uniform bodies after five-year of its' establishment, using the feedback and experience from Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) as point of references.*

**Keywords:** Uniform Body, Kor SISPA, KESATRIA-UKM, training management

## PENGENALAN

Keperluan kepada kemahiran-kemahiran kepimpinan, keusahawanan dan inovasi adalah tunjang kepada pembangunan insan yang berdaya saing untuk mengerakkan diri, keluarga dan masyarakat. Justeru, suatu kerangka pendidikan yang berpaksikan kepada pendekatan duniaawi dan ukhrawi wajar dilaksana untuk mencapai matlamat pembangunan insan madani ini. Melalui keperluan pendidikan seumpama ini, golongan pelajar dapat dilatih menjadi pemimpin yang mempunyai sifat-sifat kreatif dan inovatif serta akhirnya berjaya menjadi penyumbang aktif kepada pembangunan negara. Untuk itu, pengetahuan dan kemahiran kepimpinan, keusahawanan serta daya berinovasi perlu diterapkan dalam kursus-kursus di institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta, bagi melahirkan individu yang mampu memimpin komuniti serta organisasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa secara berkesan. Kursus-kursus ini juga perlu dirangka bagi merangkumi semua dimensi kognitif, afektif dan psikomotor pelajar. Dimensi kognitif merangkumi kursus-kursus yang memperihalkan teori, konsep, model, sifat, amalan dan isu-isu dalam pembelajaran ini. Dimensi afektif pula termasuk kursus-kursus berkaitan dengan kemahiran berkomunikasi, menaakul (reasoning), merancang, menyelesaikan masalah, membuat keputusan, kerjasama berpasukan dan sebagainya. Sementara, dimensi psikomotor pula melibatkan kursus-kursus yang memerlukan pelajar mengaplikasi serta mempamerkan keupayaan kognitif dan afektif mengikut konteks.

Sehubungan itu, pada tahun 2006, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan domain kemahiran-kemahiran insaniah untuk dikuasai oleh golongan mahasiswa institusi pengajian tinggi, khususnya bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan. Langkah ini sejajar dengan saranan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang

menegaskan tentang keperluan melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi yang berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi pada masa mendatang. Modal insan yang dibangunkan juga perlu mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang unggul (Kementerian Pengajian Tinggi, 2017). Bagi menyokong aspirasi kementerian ini, semua institusi pengajian tinggi awam di Malaysia mula memberi kredit kepada kursus-kursus ko-kurikulum selain turut mengekalkan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang diikuti oleh mahasiswa secara sukarela. Pusat Tanggungjawab (PTj) berkaitan ko-kurikulum juga mula diwujudkan di beberapa buah institusi pengajian tinggi awam bagi mengkoordinasi aktiviti ko-kurikulum mengikut acuan masing-masing.

Transformasi aktiviti ko-kurikulum di menara gading pastinya menjanjikan pengalaman yang menarik kepada para mahasiswa. Kegiatan-kegiatan ko-kurikulum dapat menjadi pemangkin bagi melahirkan generasi mahasiswa yang holistik dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial, seterusnya menjadi modal insan kelas pertama yang dapat menyumbang kepada kelestarian dan pembangunan negara (Ahmad, 2016). Dalam setiap pelaksanaan aktiviti dan kegiatan ko-kurikulum ini, aspek-aspek psikomotor dan minda mahasiswa lazimnya dilatih untuk menjadi sihat dan cerdas. Apabila mahasiswa berada dalam lingkungan masyarakat, mereka berlatih untuk berbual, berbincang, bergurau dengan penuh kesopanan dan mempamerkan peribadi mulia, lemen sosial dalam diri mahasiswa dapat dikembangkan. Oleh yang demikian pembangunan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial secara berintegrasi dan bersepadu berlaku apabila mahasiswa melibatkan diri dengan sistem *University Community Engagement (UCE)*. Salah satu aktiviti ko-kurikulum yang menerapkan pendekatan UCE ini adalah secara komprehensif adalah kegiatan badan beruniform, di mana ianya diwujudkan khusus bagi mencapai matlamat pembelajaran

kemahiran-kemahiran insaniah seperti ditetapkan oleh pihak universiti mahupun dasar pendidikan pengajian tinggi negara (Pusat Citra Universiti, 2017).

#### PUSAT KESATRIA UNIVERSITI (KESATRIA-UKM)

Penyemakan semula piawai kursus-kursus pengajian umum di UKM adalah sejarah dengan saranan pihak KPT mengenai keperluan pihak pemberi pengajian tinggi di negara ini untuk memberi perhatian khusus kepada pendidikan liberal dan multidisiplin dalam semua program pengajian. Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 7, 2012 bertarikh 3 April 2012 telah membuat keputusan agar ditubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi menyemak semula dimensi pengajian umum yang ditawarkan di UKM. Lantaran itu, Jawatankuasa Induk Pengukuhan Pendidikan Liberal UKM telah ditubuhkan pada 18 Oktober 2012 yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (HEAA) UKM pada ketika itu. Komposisi keahlian Jawatankuasa ini terdiri daripada semua Dekan Fakulti dan Pengarah-Pengarah Pusat Pengajian Umum (PPU), Pusat Pembangunan Akademik (PPA), Pusat Akreditasi Pembelajaran (PAP), dan Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS(UKM-CESMED). Sehubungan itu, bermula pada akhir Oktober 2012, satu Pasukan Petugas (Urusetia) dari Pusat Pengajian Umum (PPU) telah dibentuk bagi membantu Jawatankuasa Induk Pengukuhan Pendidikan Liberal UKM melaksanakan kerja-kerja pengukuhan dan penstrukturkan Pendidikan Liberal UKM. Tuntasnya, bermula 10 Julai 2013, istilah Pendidikan Liberal UKM telah ditukar kepada Pendidikan Citra UKM.

Proses transformasi ini telah mewujudkan dua Pusat Tanggungjawab (PTj) baru di UKM iaitu Pusat Citra Universiti (Citra-UKM) dan Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM). Pusat Citra

Universiti (Citra-UKM) berperanan sebagai pusat perkhidmatan ilmiah dan profesional bagi melahirkan insan yang cemerlang dan holistik, di mana pusat ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengurus penawaran kursus-kursus pengajian umum UKM yang telah dijenamakan sebagai kursus-kursus citra. Selain itu, pusat ini juga bertindak sebagai pusat ko-kurikulum UKM untuk elemen-elemen seperti sukan, kebudayaan, khidmat kemasyarakatan, dan sebagainya.

Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM) pula ditubuhkan dengan objektif khusus untuk menyelaras dan memantau secara menyeluruh aktiviti latihan empat badan beruniform pelajar UKM (pada ketika itu) iaitu, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Tentera Darat, Kor Sukarelawan Siswa Siswi Polis (SUKSIS), Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA), dan Bulan Sabit Merah Malaysia Cabang UKM (BSMM UKM). Penubuhan Pusat ini dilaksanakan oleh UKM berlandaskan aspirasi ‘Strategi Lautan Biru Kebangsaan’ atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), yang mensasarkan pengoptimuman penggunaan sumber secara kreatif dengan penjimatkan kos yang efektif dalam sesuatu perancangan program yang bakal dilaksanakan. Pusat ini mula beroperasi sepenuhnya di Kompleks Kesatria, UKM Bangi, Selangor, yang telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor UKM, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir pada 31 Januari 2012. Pada November 2014, Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM) menjadi sebuah Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah pengurusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM. Kewujudan dan peranan Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM) ini amat penting bagi memastikan badan unit beruniform menjadi salah satu platform ko-kurikulum pelajar yang terbaik, sistematik dan berimpak. Pada penghujung semester 2, sesi 2019/2020, jumlah pengibatan mahasiswa UKM dalam empat badan beruniform tersebut adalah seperti di paparan Jadual 1.

JADUAL 1. Keterlibatan mahasiswa UKM dalam aktiviti ko-kurikulum badan-badan beruniform berakhir semester 2, sesi 2019/2020

Badan Beruniform	Peringkat / Tahun Pengajian		
	Junior / 1	Intermediate / 2	Senior / 3
PALAPES TD	47	63	76
Kor SUKSIS	70	66	59
Kor SISPA	97	56	57
BSMM UKM	67	48	52
Jumlah	281	233	244

Sejajar dengan hasrat pengurusan tertinggi universiti untuk mempertingkat penglibatan mahasiswa pada masa hadapan, dua badan beruniform baru telah diluluskan penubuhannya oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MJPU). Pertama, Pasukan Simpanan Kadet Maritim Malaysia (PASKAM) dengan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah diluluskan pada 21 Januari 2020, manakala Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia Daerah UKM (KLKM UKM) dengan kerjasama Persekutuan Pengakap Malaysia telah diluluskan pada 13 Ogos 2020. Kedua-dua badan beruniform baru ini disasar untuk membuat pengambilan pertama kadet masing-masing pada semester 1, sesi 2020/2021, namun, atas kekangan penularan COVID-19, PASKAM telah memohon penangguhan operasi, menjadikan KLKM UKM secara rasmi menjadi badan beruniform yang kelima beroperasi di bawah urus tadbir Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM).

#### Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) UKM

Pada pertengahan tahun 2010, Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) UKM telah ditubuhkan secara rasmi dan dikelolakan sepenuhnya oleh Pejabat Pertahanan Awam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan barisan pegawai bersekutu UKM yang telah dilantik ketika itu. Latihan pertama telah dijalankan di UKM Bangi dan para pelajar kadet Kor SISPA UKM telah ditempatkan di Kolej Rahim Kajai UKM. Pada ketika itu juga, Pejabat Unit Kor SISPA UKM telah ditubuhkan di Kolej Rahim Kajai UKM bagi menguruskan aspek-aspek pentadbiran, perhubungan, logistik, dan pengurusan latihan Kor SISPA UKM. Seramai tiga orang staf daripada Pejabat Pertahanan Awam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah ditugaskan di Pejabat Unit Kor SISPA UKM berkenaan. Seterusnya, pada 2 Februari 2012, Pejabat Unit Kor SISPA UKM berpindah ke Kompleks Kesatria UKM dan telah beroperasi sehingga kini. Bilangan pegawai kadet yang telah berjaya dilatih dan ditauliahkan adalah seramai 490 orang, merangkumi tujuh kompeni sejak penubuhan Kor SISPA UKM pada tahun 2010.

Sejak penubuhannya, organisasi Kor SISPA UKM telah diterajui oleh barisan kepimpinan dan barisan kejurulatihan berwibawa yang sentiasa memastikan pengurusan aktiviti latihan berjalan lancar dan sempurna. Falsafah teras yang dipegang para jurulatih adalah sentiasa menerapkan pembangunan sikap kesukarelawanan secara tuntas dalam kalangan mahasiswa yang menyertai badan ini, menerusi pelaksanaan aktiviti-aktiviti latihan yang diselia

organisasi pusat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

#### Pengurusan Latihan Kor SISPA UKM di bawah Tadbir Urus KESATRIA-UKM

Objektif utama penubuhan Kor SISPA UKM adalah untuk melatih pegawai Pasukan Pertahanan Awam yang memiliki ciri-ciri kepimpinan, berkaliber, profesional serta mampu menghadapi cabaran globalisasi dalam kalangan mahasiswa UKM. Selain itu, ia juga bertujuan mendidik dan melatih mahasiswa bagi membentuk keperibadian individu yang berpengetahuan dalam ilmu pertahanan awam, menanam semangat kerjasama, tanggungjawab, perikemanusiaan, taat setia dan semangat patriotik terhadap negara, serta melahirkan generasi masyarakat yang peka dan responsif kepada bencana dan kecemasan. (Jabatan Pertahanan Awam, 2010). Aktiviti latihan yang digarap sebagai kursus berkredit pula dirangka dengan rtujuan untuk memperkasakan kemahiran insaniah (soft skills) dalam kalangan pelajar. Secara spesifik, kemahiran-kemahiran yang dapat diterap melalui aktiviti ko-kurikulum badan beruniform seperti Kor SISPA UKM ini ialah kerja berpasukan, nilai-nilai jati diri, dan semangat patriotisme.

Pembelajaran Kor SISPA UKM adalah berbentuk teori dan praktikal menerusi latihan luar dan kelas latihan yang diadakan Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM). Pertemuan kelas latihan diadakan sebanyak lima kali setiap semester dan diikuti dengan aktiviti-aktiviti lain yang berimpak kepada para pegawai kadet sepanjang semester. Pembelajaran yang holistik dan kolektif ini membantu para pegawai kadet Kor SISPA UKM untuk memahami dan menguasai ilmu atau kemahiran berkaitan Pertahanan Awam dengan lebih efektif di samping fokus kepada pembelajaran akademik di fakulti mahupun pusat akademik masing-masing. Struktur pembelajaran Kor SISPA UKM adalah terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat awal, peringkat pertengahan, dan peringkat akhir. Semua peringkat ini akan dilalui oleh pegawai kadet Kor SISPA UKM bagi memenuhi kriteria kelengkapan latihan yang ditetapkan dan pemarkahan yang telah dimuktamadkan.

Pembelajaran peringkat awal adalah merupakan pembelajaran asas bagi seseorang pegawai kadet Kor SISPA UKM di bawah Kursus(Asas (LMCB3133) yang dilalui oleh pegawai kadet *junior* Kor SISPA UKM selama dua semester pengajiannya. Kursus ini bertujuan memberi kefahaman dan pengetahuan asas kepada pegawai kadet Kor SISPA UKM mengenai pertahanan awam. Pelajar akan didedahkan mengenai

latihan kawad kaki, akta & peraturan dan pengenalan Pertahanan Awam. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah interaktif, kerja lapangan, pembelajaran berasaskan kumpulan/individu dan demonstrasi/simulasi. Di akhir kursus ini, pelajar dapat memahami tanggungjawab dan pengurusan pertahanan awam serta melibatkan diri dalam khidmat kesukarelawanan.

Seterusnya, pembelajaran Kor SISPA UKM diikuti dengan pembelajaran peringkat pertengahan iaitu pembelajaran kemahiran bagi pegawai kadet *intermediate* selama dua semester pengajian di bawah Kursus Kemahiran (LMCB3443), bertujuan untuk memberikan pengukuhan pembelajaran dan pembangunan kemahiran kepada pegawai kadet Kor SISPA UKM dalam pertahanan awam. Pelajar akan didedahkan mengenai latihan teori dan praktikal, kemahiran diri dan pengurusan Pertahanan Awam. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah dan demonstrasi/simulasi. Di akhir kursus ini, pelajar boleh meningkatkan kemahiran dan pengurusan dalam pertahanan awam.

Selanjutnya, pembelajaran peringkat akhir merupakan pembelajaran Pegawai bagi pegawai kadet *senior* Kor SISPA UKM dalam menjalani latihannya. Pembelajaran peringkat ini dijalankan selama dua semester pengajian dan berada di bawah Kursus Pertahanan Awam – Pegawai (LMCB3652). Kursus akhir ini bertujuan memberi pengukuhan pembelajaran sebagai seorang pegawai dalam pertahanan awam. Pelajar akan didedahkan mengenai pengendalian operasi, metodologi kejurulatihan dan tatacara pegawai dalam pertahanan awam. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah interaktif, pembelajaran berasaskan kes, pembelajaran berasaskan kumpulan/individu dan demonstrasi/simulasi. Di akhir kursus ini, pelajar bakal ditauliahkan sebagai Pegawai Pertahanan Awam.

Kursus-kursus ini merujuk kepada dasar dan silibus Kor SISPA peringkat kebangsaan yang telah ditetapkan bagi menjalankan latihan pertahanan awam kepada semua pegawai kadet Kor SISPA di seluruh negara yang terlibat. Matlamat utama penubuhan dasar atau silibus Kor SISPA peringkat kebangsaan ini menjadi penanda aras pelaksanaan latihan pasukan simpanan Pertahanan Awam di menara gading. Penawaran ketiga-tiga kursus ini dibuat di bawah domain pendidikan citra UKM, yang diselaras oleh Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM) dan Pusat Citra Universiti (Citra-UKM). Domain pendidikan berkredit ini mempunyai visi untuk melahirkan graduan UKM yang memahami aspirasi kebangsaan, berkompeten, berdaya saing, patriotik dan inovatif, bersesuaian dengan peranan

UKM sebagai Pendaulat Amanah Negara (Pusat Kesatria Universiti, 2019).

Gerak kerja aktiviti latihan Kor SISPA UKM secara keseluruhan dapat dikoordinasi dengan baik sejak ianya diletak di bawah tadbir urus Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM). Walaupun koordinasi yang berlaku melibatkan lokaliti yang berbeza-beza iaitu kampus Bangi, kampus Kuala Lumpur, dan pejabat Angkatan Pertahanan Awam (APM) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; namun, segala isu dan permasalahan yang dihadapi mampu diatasi dengan komunikasi berkesan yang diamalkan dalam kolaborasi urus tadbir kedua-dua organisasi ini. Natijahnya, kekurangan masa pegawai-pegawai bersekutu dalam kalangan kakitangan UKM untuk memberikan komitmen penuh terhadap pengurusan latihan disebabkan kekangan masa akibat tuntutan tugas hakiki, dapat ditampung dengan peranan berkesan yang dimainkan oleh Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM) dalam membantu pengurusan latihan Kor SISPA UKM secara holistik. Antara manfaat yang terserlah adalah kelancaran dalam hal ehwal berkaitan pengangkutan, logistik, kewangan dan perhubungan melibatkan latihan mingguan dan aktiviti-aktiviti luar kampus di sepanjang semester berlangsung. Pengurusan jam kredit pelajar Kor SISPA UKM juga telah dapat diuruskan dengan baik dan teliti bagi memudahkan pelajar dapat bergraduasi di hujung pengajian akademik mereka.

Selain itu, kolaborasi antara Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM) dengan badan-badan beruniform termasuk Kor SISPA UKM telah menghasilkan aktiviti-aktiviti tahunan secara bersepada seperti promosi pengambilan kadet baru sempena Minggu Mesra Mahasiswa (3M), pelaksanaan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, mesyuarat, seminar dan bengkel pengurusan/pentadbiran secara bersama, serta gotong royong sambutan Hari Raya dan majlis berbuka puasa.

Natijahnya, kelancaran pengurusan latihan Kor SISPA UKM sehingga kini menjadi satu testimoni kepada pencapaian berkesan urus tadbir Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM) sebagai sekretariat penyelaras badan-badan beruniform UKM. Penubuhan Pusat Tanggungjawab ini telah membawa satu inspirasi dan peranan yang jelas dalam membantu pengurusan Kor SISPA UKM – serta badan-badan beruniform yang lain iaitu PALAPES Tentera Darat, Kor SUKSIS UKM, BSMM UKM, dan KLKM UKM – untuk melaksanakan perancangan latihan yang lebih mantap dan cakna. Tuntasnya, matlamat utama penubuhan Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM) sebagai sekretariat penyelaras yang berfungsi sebagai pusat

sehenti (one stop centre) dalam menguruskan aktiviti ko-kurikulum badan-badan beruniform mahasiswa UKM secara menyeluruh dan bersepada, telah dicapai dengan baik.

## KESIMPULAN

Pengurusan yang berkesan dan terancang dari pihak institusi pengajian tinggi awam dalam menyelaras pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum pelajar mampu membawa hasil sepertimana diinginkan pihak pengurusan tertinggi dan kementerian. Dalam konteks aktiviti ko-kurikulum badan-badan beruniform, ketelitian dan kelancaran pengurusan menjadi lebih kritikal kerana pelaksanaan gerak kerja latihan dan aktiviti lazimnya melibatkan agensi-agensi luar yang berbilang budaya organisasi. Justeru, satu model pengurusan latihan yang holistik dan sistematik perlu diwujudkan bagi memastikan segala urusan berkaitan pentadbiran, logistik, kewangan, dan akademik mampu diselaras dengan baik dan berkesan.

Di UKM, kewujudan Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM) telah banyak membantu melicinkan segala urusan berkaitan pengurusan latihan badan-badan beruniform pelajar UKM; termasuk Kor SISPA UKM. Pengoperasian penuh Pusat ini sejak lebih lima tahun yang lalu telah menjadi platform untuk mengukuhkan jalinan persefahaman antara

agensi-agensi luar yang menguruskan hal ehwal latihan kadet-kadet badan beruniform UKM dengan pihak pengurusan serta Pusat-Pusat Tangungjawab (PTj) universiti yang lain. Fungsi dan peranan Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM) ini akan terus diperkasa bagi menyediakan sumber manusia pasukan beruniform berkualiti yang diperlukan oleh kerajaan.

## RUJUKAN

- Ahmad Esa. 2016. Transformasi ko-kurikulum di universiti. <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/transformasi-kokurikulum-di-universiti-1.371031>. [16 Ogos 2016].
- Jabatan Pertahanan Awam. 2010. Buku Panduan Pengurusan Kor SISPA, Ibu Pejabat Pertahanan Awam, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2017. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Peletakan Asas Melangkaui 2020. <https://engine.um.edu.my/docs/librariesprovider17/forms-and-circulars-accreditation-guidelines/pelanstrategikpengajiantinggi2020.pdf?sfvrsn> [27 Ogos 2017].
- Pusat Citra Universiti. 2017. Panduan Prasiswazah Pusat Citra Universiti Sesi Akademik 2017-2018, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pusat Kesatria Universiti. 2019. <http://www.ukm.my/kesatria/utama/> [16 Julai 2019].
- Universiti Kebangsaan Malaysia. 2012. Minit Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 7, 3 April.

Abu Yazid Abu Bakar\*  
 Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM),  
 Universiti Kebangsaan Malaysia,  
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Othman A. Karim  
 Jabatan Kejuruteraan Awam,  
 Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina,  
 Universiti Kebangsaan Malaysia,  
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: [yazid3338@ukm.edu.my](mailto:yazid3338@ukm.edu.my)

Diserahkan: 3 Oktober 2020  
 Diterima: 3 November 2020